

UiTM perkenal empat pengkhususan baru

BH 19/9/06 m.s.8

Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik latih jadi pengurus

Oleh Norliza Abdullah

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Artistik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) memperkenalkan empat bidang pengkhususan baru mulai sesi akademik Julai 2007, untuk mendedahkan pelajar kepada bidang kerjaya lebih luas bagi memenuhi keperluan industri seni tempatan dan antarabangsa.

Dekannya, Prof Dr Hatta Azad Khan, berkata memandangkan industri seni bersifat global, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran teori dan praktikal secara menyeluruh untuk membolehkan mereka berada dalam keadaan bersedia bagi mengisi keperluan tenaga kerja.

Beliau berkata, empat bidang pengkhususan itu ialah Teknikal Teater, Animasi, Sinografi dan Pengurusan Industri Kreatif yang akan dikendalikan menerusi bidang teater, skrin,

pengurusan dan teknologi bunyi.

Katanya, di peringkat diploma pelajar perlu mengambil semua subjek yang diajar secara am dan pengkhususan bermula apabila mereka mengikuti pengajian di peringkat ijazah merangkumi Ijazah Skrin Produksi, Skrin Animasi, Pengurusan Industri Kreatif dan Penulisan Artistik.

Setakat ini, fakulti sudah menawarkan kursus penulisan penilaian menurus kepada penulisan filem dan televisyen, merangkumi penulisan skrip teater muzikal, lirik lagu serta kritikal.

Bagi sesi pertama tahun depan, dijangkakan 400 pelajar akan mengikuti program Diploma Teater dan Diploma Skrin.

Setiap pengkhususan merangkumi 40 hingga 50 kursus yang ditawarkan.

"Jumlah kemasukan adalah terhad untuk memastikan graduan dilahirkan berkualiti bagi memenuhi ke-

perluan semasa tenaga kerja tempatan dan global," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen UiTM di Shah Alam, baru-baru ini.

Hatta berkata, pihaknya juga akan melatih pelajar menjadi pengurus seperti di balai seni, muzium dan kompleks pawagam. Di samping itu juga, mereka bukan saja bertindak sebagai

produser semata-mata malah mampu bertindak sebagai pengendali galeri, muzium dan arkib.

Beliau berkata, pengetahuan teknikal industri seni adalah satu bidang penting. Bagi menghidupkan sesuatu persembahan, ia memerlukan jurutera perisian, jurutera mekanikal, pereka pentas, pengarah serta pereka teknikal yang mempunyai daya imaginasi dan kreativiti yang tinggi.

Katanya, menjadi objektif penubuhan fakulti, melahirkan lebih ramai generasi muda yang berdaya saing tinggi dalam meningkatkan aktiviti kesenian negara kerana kerja di belakang tabir memerlukan kesungguhan dan kecekapan pengurusan.

"Sejajar usaha fakulti memasarkan graduannya ke pasaran antarabangsa, satu rundingan diadakan dengan institusi kesenian luar negara. Antaranya, Lethbridge University di Alberta Kanada," katanya.

FAKTA NOMBOR

Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (UiTM)

400

Pelajar baru

50

Kursus ditawarkan